

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B DATO' FAUZI BIN ABDUL RAHMAN**  
**[ INDERA MAHKOTA ]**  
**TARIKH : 14.10.2014**  
**SOALAN :**

**Dato' Fauzi bin Abdul Rahman [ Indera Mahkota ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Dasar Pelajaran Kebangsaan yang digubal pada awal kemerdekaan negara telah memenuhi matlamatnya. Oleh kerana negara telah membangun dan kehidupan rakyat telah berubah, bersedialah Kementerian mengkaji semula Sistem Pendidikan Negara agar jika dahulunya kita mahu melahirkan insan yang berilmu dan berkemahiran, kini kita mahu lahirkan insan 'Berilmu, Beriman dan Berakhlak'

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Peningkatan kualiti pendidikan sememangnya menjadi agenda penting Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terutamanya dalam melahirkan insan yang berilmu, beriman dan berakhlak. Sehubungan dengan itu, KPM telah membuat transformasi kurikulum di peringkat prasekolah, sekolah rendah dan menengah. Usaha ini dilaksanakan untuk memantapkan hala tuju kurikulum persekolahan supaya relevan dengan tuntutan semasa selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

KPM juga telah membuat kajian semula terhadap sistem pendidikan negara pada September 2011. Dapatan daripada Kajian Semula

Pendidikan Negera telah memberi maklumat penting bagi penyediaan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menetapkan hala tuju dan sasaran yang jelas akan ciri-ciri murid yang ingin dilahirkan melalui sistem pendidikan negara iaitu murid yang berpengetahuan, mempunyai kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, beretika dan kerohanian serta beridentiti nasional. Semua elemen ini selaras dengan pembangunan insan yang holistik dan menyeluruh seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan selari dengan ciri-ciri insan abad ke-21.

RJM36